

10 JUN 1999

KAJIAN-REUTERS

KAJISELIDIK MENUNJUKKAN AHLI EKONOMI YAKIN TERHADAP EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Satu kaji selidik yang dikendalikan oleh Reuters minggu ini menunjukkan para ahli ekonomi berkeyakinan terhadap kecergasan ekonomi Malaysia, dengan banyak menjangka Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) tahun ini akan berkembang sebanyak 1.3 peratus daripada tahun sebelumnya.

Di dalam kajiselidik yang dijalankan pada Mac lalu, ahli-ahli ekonomi telah meramalkan hanya pertumbuhan 0.2 peratus, kata Reuters.

Mereka juga menjangka KDNK bagi tahun 2000 akan meningkat kepada 3.3 peratus dari 2.9 peratus, menurut kajiselidik yang dijalankan oleh agensi berita kawat anatarabangsa itu meliputi 10 firma penyelidikan.

Tahun lalu, ekonomi Malaysia merudum akibat krisis matawang serantau, dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjurkan ekonomi akan menguncup sebanyak 1.5 peratus dalam suku pertama.

Bagaimanapun, beliau menyatakan keyakinan bahawa ekonomi akan kembali pulih disebabkan perbelanjaan kerajaan dan usaha-usaha perlu yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Ahi-ahli ekonomi itu juga berkata bahawa ekonomi akan berkembang semula dalam suku kedua.

Neil Saker, ketua penyelidikan ekonomi di SG Securities di Singapore, dipetik sebagai berkata di dalam laporan akhbar bahawa beliau menjangka pertumbuhan positif akan muncul dalam suku kedua tahun ini.

"Perangkaan kebelakangan ini menunjukkan bahawa unjuran kami akan dicapai," katanya.

Laporan itu berkata bahawa ahli-ahli ekonomi memerhatikan pengeluaran perindustrian, yang jatuh 3.4 peratus dalam suku pertama daripada setahun terdahulu, tetapi naik pada kadar tahunan 2.6 peratus pada April.

"Pengeluaran perindustrian mengecil dalam suku pertama, tetapi ia sedang meningkat. Pada akhir tahun lalu ia berada di dalam penurunan dua angka. Ia akan bergerak kepada positif dalam suku kedua," kata Kevin Ng, ahli ekonomi di ABN Amro di Singapura.

Gabenor Bank Negara Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman telah mengunjurkan pertumbuhan satu hingga dua peratus bagi 1999 pada Mac manakala Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata tiada sebab kenapa Malaysia tidak boleh mencapai sasaran pertumbuhan 5.0 peratusnya bagi tahun depan.

Firma-firma penyelidikan yang diliputi dalam kajiselidik Reuters itu termasuk Arab-Malaysian Securities, ABN Amro Asia Securities, Daiwa Institute, G.K. Goh Research, Goldman Sachs, JP Morgan, SE Banken, SG Securities, TA Securities dan Vickers Ballas. -- BERNAMA

MR FR OS